

Kerajaan akan kaji pro, kontra sebelum umum kepada rakyat - PM

Lebih banyak kelonggaran SOP

Oleh **BADRUL HAFIZAN
MAT ISA**
badrul.isa@mediamulia.com.my

SEREMBAN: Kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) yang akan diumumkan kerajaan dalam masa terdekat akan menyentuh tentang pemakaian pelitup muka, penggunaan imbasan MySejahtera serta ujian pengesanan Covid-19 di lapangan terbang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan sedang berbincang bagi melihat dari sudut pro dan kontra mengenai perkara tersebut sebelum ia diumumkan kepada rakyat.

"Mungkin akan tengok daripada segi pelitup muka pula, Kementerian akan berbincang dan melihat daripada segi pro dan kontra mengenainya. Kemudian mungkin daripada segi penggunaan MySejahtera, perlu atau tidak untuk mengimbas lagi di setiap tempat kita mahu masuk atau pun di lapangan terbang, apabila balik masih perlu atau tidak dilakukan ujian PCR ataupun RTK Antigen.

"Inilah perkara-perkara yang akan kita tengok, sama ada ia akan diumumkan pada minggu ini saya tidak pasti tetapi Kementerian Kesihatan sedang berbincang dan bermesyuarat



ORANG ramai mematuhi syarat pemakaian pelitup muka di kawasan yang padat semasa membeli-belah di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di Kuala Lumpur, semalam. - MINGGUAN/FARIZ RUSADIO

mengenai perkara ini. Ada tiga perkara besar, tapi tunggulah dan kita akan umumkan kemudian," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melawat remaja OKU Bella di pusat jagaan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di sini, semalam.

Yang turut hadir dalam lapangan tersebut ialah, Menteri Pembangunan Wanita, Keluar-

ga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, kementerianya akan mengumumkan sedikit kelonggaran berkaitan SOP dari semasa ke semasa berikutan kejayaan pengurusan Covid-19 dalam negara yang kini menyaksikan jangkitan semakin terkawal selain penurunan kes termasuk ke hospital.

Sementara itu, Ismail Sabri

menambah, kelonggaran SOP tersebut tentunya menjadi berita baik kepada rakyat, namun ada sesetengahnya masih bimbang dengan kelonggaran yang akan diberikan itu.

"Sebab itu kita kena seimbang, ada yang bimbang kalau kita terlampau bebas, ada yang takut. Tetapi seperti saya kata, kerajaan tidak berundur ke belakang, kerajaan akan berikan kelonggaran dari semasa ke semasa," katanya.